



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 JUN 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	'RM200 SUBSIDY FALLS SHORT OF EXPENSES', NATION, THE STAR -9 VEGE, LIVESTOCK FARMERS RUSH TO REGISTER FOR DIESEL SUBSIDY, NATION, THE STAR -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5.	JAGUNG UNGU UPM, K2, KOSMO -19 LEBIH BAIK DARIPADA JAGUNG KUNING, K2, KOSMO -20 MAKANAN PELBAGAI WARNA BANTU KESEIMBANGAN USUS, K2, KOSMO -21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	CUACA PANAS TIDAK JEJASKAN HASIL TERNAKAN, DALAM NEGERI, UM -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8. 9.	BAUNG EKOR MERAH DIKESAN DI SUNGAI JELAI SELEPAS BANJIR BESAR 2014, PAHANG, SH -27 NELAYAN DEGIL GUNA BUBU NAGA TANGKAP IKAN, NEGARA, KOSMO -15 AMBIL TINDAKAN TEGAS PENGUNAAN BUBU NAGA, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	JUALAN AGRO MADANI TERUS JADI PILIHAN DI PERLIS, NASIONAL, BH -19	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12.	AGROBANK PEMANGKIN KOMUNITI TANPA TUNAI, EKONOMI, UM -37 AGROBANK PEMANGKIN KOMUNITI TANPA TUNAI DI KUNDASANG, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
13. 14. 15. 16. 17.	SARAN HARGA LANTAI PADI DARI RM1,300 KE RM1,600 SATU TAN, DALAM NEGERI, UM -9 TANAM PADI DALAM POLIBEG, SH -22 BANTU KEBUN KOMUNITI, NEGARA, KOSMO -14 SISTEM LINDUNG VARIETI TUMBUHAN DIDAKWA TAK ADIL, NASIONAL, BH -7 BERAS PUTIH MALAYSIA MADANI SUKAR DIDAPATI DI PASARAN?, DALAM NEGERI, UM -7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

4/6/2024

THE STAR

NATION

9

'RM200 subsidy falls short of expenses'

By N. TRISHA

trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: While some have welcomed the diesel subsidy, many farmers say RM200 does not help them with their monthly expenditure.

Padi farmer Muhammad Harun, 47, said subsidies are always welcomed but he could spend up to RM800 a day on diesel when it is time to work the padi fields.

"We use our tractors daily when it is padi harvesting season and we can spend thousands of ringgit on diesel a month, which usually makes up 15% to 20% of our expenses.

"I have three tractors and use diesel for other equipment like my power thresher, water pumps and lorries," said the farmer from Permatang Pauh.

Cameron Highlands Vegetable Growers Association deputy president Lau Weng Soow said while it is good that subsidies are given, it is not enough for a

month, let alone a day, for some.

"Most of our farms are located on the outskirts, where there is no electricity or other facilities, so we use diesel for the generators.

"Sometimes, powering a generator can cost RM200 a day in diesel, and these are the smaller farms.

"Small farms spend RM10,000 just on diesel while the larger ones can spend up to RM100,000 on diesel per month," he said.

Lau said most of their equipment and vehicles are diesel-powered, adding that the RM200 would only be enough for a week to run a truck.

The Finance Ministry recently announced that private diesel vehicle owners, including individuals, small-scale farmers and smallholders from the B40 and M40 groups in Peninsular Malaysia, could apply for cash assistance under the Budi Madani programme.

Lau said while the use of solar panels is encouraged, Cameron Highlands does not have enough



Not quite enough:

Muhamad (left) with his worker Muhamad Hadi Abdul Ghani filling up the tank on a tractor on his farm in Mukim 6, Kampung Pertama, Permatang Pauh.

— ZHAFFARAN NASIB/The Star

and RM300,000.

"While many earn more than that here, it's important to remember that this amount is before we deduct our expenses," he said.

Meanwhile, retiree Kenny Ho, 67, who has a 23-year-old pickup truck, said he was surprised by how easy it was to apply for the subsidy.

"I applied on May 28, and when

I checked two days later, it was approved. I guess I fit all of the criteria. I use the truck mainly for fishing and camping trips," he said.

Ho said the RM200 would be helpful although it would not cover his diesel expenses for the whole month.

"It can cost up to RM500 a month if used regularly," he said.

Vege, livestock farmers rush to register for diesel subsidy

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: Vegetable and fruit farmers have rushed to sign up for the RM200 Budi Madani monthly diesel subsidy programme since it was introduced about a week ago.

Federation of Vegetable Farmers Association president Lim Ser Kwee said more than half of its members had already registered for the cash assistance online.

"However, we are unsure when the grant will be disbursed.

"Applicants were only told to check their application status on the website from time to time and we hope that the waiting period will not be too long," he said when interviewed.

He said farmers were already affected by high operating costs such as worker's wages and price of fertilisers and pesticides, which have increased about 40% since the economy reopened after the Covid-19 pandemic.

Diesel is an integral part of a

farm, powering pumps for irrigation, tractors and machines for dispensing fertiliser and pesticides, Lim added.

"The amount of diesel used each month varies; depending on the weather, we might need to water crops more or reduce the frequency.

"When it is dry, a farm could use up to RM50 for diesel a week just to water the crops," he said.

He added that the RM200 diesel subsidy, although not enough to cover the costs, was welcomed by farmers as it helped to keep them afloat and compete with farmers overseas.

"Without government subsidies and grants, farmers will find it more difficult to sustain and the industry will keep shrinking in the next five to 10 years.

"When more farmers choose to get out of the sector, the country's food security will have to depend greatly on imports, which does not benefit the domestic economy either.

"Government support is needed

to strengthen the agriculture sector; when local farmers do well, we can also go into the exporting market and contribute to the nation's economy," he said, adding that there were more than 6,000 vegetable farmers nationwide.

Farmers Association acting president Alwins Lo urged farmers to register for the diesel subsidy in order to give the government a clearer picture of those in need of such financial assistance.

He added that since the government's move to rationalise diesel subsidies, the association has received many calls and inquiries from industry players about the subsidy application process.

"This shows that the matter affects their livelihood and costing as farming is a tough 3D (dangerous, dirty and difficult) industry that utilises diesel in our daily operations from managing crops to transportation," he said.

Although the Finance Ministry defined eligible applicants as agriculture or commodity smallhold-

ers with an annual turnover of between RM50,000 and RM300,000, he urged all members as well as non-member farmers to sign up for the subsidy programme.

"Farmers should state why they need the subsidies even if their farms do not meet the annual turnover criteria.

"This will better let the government understand the real situation and make improvements to the policy and mechanism accordingly to support the agriculture sector.

"The federation also meets with the Agriculture and Food Security Ministry from time to time and we will have a stronger bargaining power when we can show data-driven information to ask for higher subsidy amounts," added Lo, who is also Johor Fruit Farmers Association chairman.

On May 21, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the Cabinet agreed to rationalise diesel subsidies; this would begin with target-

ed diesel subsidies in the peninsula first, and later for Sabah and Sarawak.

The Finance Ministry then opened applications for cash assistance under the Budi Madani programme to individuals, small-scale farmers and smallholders from the B40 and M40 groups in the peninsula, starting May 28.

For assistance about the Budi Madani programme, contact the helpline at 1-800-88-2747, 03-8882 4565 or 03-8882 4566 or email budimadani@treasury.gov.my.

Queries can also be directed to the agriculture ministry operations room at 03-8870 1207/1147 from 8.30am to 5.30pm on weekdays or via email to geoagroadmin@kpkrm.gov.my.

Alternatively, assistance can also be sought at all Inland Revenue Board offices in Peninsular Malaysia.

FORMORE:

See page 9

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2024	KOSMO	K2	19



SELASA 04.06.2024

1K2

Menyelami
Hidup Anda

Jagung ungu UPM

MERUPAKAN varieti jagung yang kaya dengan khasiat. jagung ungu mengandungi antosianin yang tinggi bahkan jauh lebih tinggi berbanding kandungan antosianin dalam buah beri biru.

Kosmo!

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2024	KOSMO	K2	20



FAKULTI Pertanian UPM, Serdang, Selangor mengadakan program memetik jagung di ladang universiti tersebut baru-baru ini.

Lebih baik daripada jagung kuning



Rencana
Utama


Oleh
ZURAINI
MOHD. KHALID

SETONGKOL jagung berwarna ungu pekat yang dipegang oleh Penolong Pegawai Pertanian Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd. Nazrul Anis itu begitu menarik perhatian.

Jagung tersebut merupakan projek terbaharu diusahakannya di ladang universiti berkenaan.

Mohd. Nazrul yang menanam jagung ungu sebagai projek percubaannya tahun lalu berkata, tanaman itu bukanlah sesuatu yang asing di negara ini, namun masih belum ramai yang tahu tentang satu lagi varieti jagung selain jagung kuning dan jagung putih, iaitu jagung berwarna ungu.

"Saya menanam jagung ungu ini kerana mahu mencuba sesuatu yang baharu dan menghasilkan sesuatu yang sukar dijumpai di pasaran," katanya ketika ditemui K2 di Ladang 15, UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.



MOHD. NAZRUL menunjukkan tanaman jagung yang terdapat di UPM.



JAGUNG-JAGUNG berwarna ungu yang berjaya dituai.



SETONGKOL jagung ungu yang masak ranum kelihatan masih belum dipetik di ladang universiti itu.

Jagung ungu atau dikenali sebagai *Peruvian purple corn* merupakan antara varieti jagung yang terdapat di pasaran dunia yang berasal dari Peru dan telah ditanam sejak lebih 100 tahun lalu.

Pada tahun 2010, nilai eksport jagung ungu mencecah sehingga AS\$18 juta (RM84.7 juta). Pelbagai kajian telah dijalankan di negara luar bagi mengenal pasti kandungan nutrisi dan juga khasiatnya.

Beberapa kajian juga telah membuktikan terdapat kandungan bernilai tambah dalam jagung ungu dikenali sebagai antosianin.

Antosianin adalah salah satu flavonoid yang merupakan sejenis pigmen tumbuhan yang mampu mencegah pelbagai penyakit kronik.

Selain digunakan sebagai pewarna semula jadi untuk makanan, kandungan antosianin dalam setongkol jagung ungu

juga adalah jauh lebih tinggi berbanding antosianin dalam buah beri biru.

"Warna ungu itu sendiri sebenarnya sudah pun mengandungi khasiat tersendiri dan oleh sebab itu jagung ungu ini boleh dikatakan lebih baik berbanding jagung biasa.

"Bahkan, jagung ungu pulut turut menjadi menu diet khususnya buat mereka yang tidak makan nasi.

"Jagung ungu boleh dijadikan pengganti kepada nasi," jelasnya yang memaklumkan terdapat dua jenis jagung ungu iaitu jagung ungu pulut dan jagung ungu manis.

Berkongsi tentang perbezaan rasa dan tekstur pada jagung ungu berbanding jagung biasa, jejaka berusia 34 tahun itu memberitahu bahawa rasa jagung ungu adalah manis, namun ia mempunyai tekstur yang sedikit berbeza berbanding jagung biasa.

INFO

Fakta tentang jagung

- Pokok jagung merupakan tumbuhan yang telah ditanam sejak 10,000 tahun dahulu. Ia berasal dari Sungai Balsas, selatan Mexico.
- Jagung merupakan bijirin yang kaya dengan kandungan serat, vitamin, mineral dan antioksidan.
- Tempoh matang jagung manis adalah antara 63 hingga 70 hari selepas disemai bergantung pada jenis (varieti) dan cuaca.
- Saiz tongkol atau buah pada pokok jagung dipengaruhi oleh saiz batang pokok.
- Kebiasaannya, sebatang pokok hanya akan menghasilkan satu tongkol jagung. Ada juga yang menghasilkan dua hingga tiga tongkol sepokok, namun buahnya kebiasaan kecil atau tiada isi.

"Jagung kuning mempunyai tekstur yang agak rangup dan apabila digigit ia akan 'meletup' di dalam mulut.

"Jagung ungu pula mempunyai tekstur yang lebih kasar dan apabila dimakan, kita boleh rasa perbezaan atau kelainan yang ada pada jagung ungu ini," kongsi Mohd. Nazrul.

Projek jagung ungu percubaannya itu dimulakan pada bulan Jun tahun lalu dan menurut Mohd. Nazrul, ia hanya akan ditanam sekali dalam setahun.

Bahkan, dia juga hanya memulakannya dalam skala kecil iaitu hanya membabitkan penanaman 300 batang pokok jagung ungu, untuk melihat permintaan terhadapnya.

"Saya mahu melihat dulu permintaan terhadap jenis jagung ini sebelum memikirkan untuk mengembangkannya.

"Selain itu, benih jagung ungu ini juga lebih mahal, kira-kira tiga kali ganda lebih mahal berbanding jagung biasa dan oleh sebab itu ia belum dikomersialkan lagi.

"Sebagai perbandingan, satu beg



BERWARNA ungu, jagung ini mengandungi kandungan antosianin yang tinggi.



TERDAPAT juga buah yang kurang menjadi apabila warna tidak sekata.

benih jagung biasa berharga sekitar RM70 sehingga RM80, namun satu beg benih jagung ungu pula boleh mencecah harga RM200," katanya.

Di Malaysia, varieti jagung ungu dianggap masih baharu di pasaran tempatan jagung manis segar.

Antara varieti yang merujuk kepada jagung ungu ialah King Corn, King Purple, Morado dan Jagung Pulut Ungu.

Oleh sebab itu, kebanyakan mereka yang menanam jagung ungu di negara ini mengusahakannya secara sara diri dan bukan pada skala komersial.

Begitu pun, Mohd. Nazrul percaya dengan pendedahan yang lebih daripada pelbagai pihak, ia mampu meningkatkan lagi sambutan terhadap jagung ini di peringkat pengguna.

"Apabila negara menanam sendiri tanaman jagung ini, kita akan kurang mengimport dari luar dan ini akan meningkatkan lagi tahap ketenteraman bekalan makanan di negara ini," katanya.

Selain itu, sebagai usaha menarik minat orang ramai terhadap tanaman tanaman yang diperkenalkan UPM, Mohd. Nazrul berkata Fakulti Pertanian baru-baru ini turut menganjurkan aktiviti memetik jagung selama sehari, yang terbuka kepada orang awam.

Bermula pukul 8.30 pagi sehingga 5.30 petang, orang ramai boleh datang ke Ladang 15 UPM untuk memilih dan memetik sendiri jagung untuk dibawa pulang pada harga RM2 setongkol.

"Aktiviti ini merupakan salah satu usaha pihak fakulti untuk memperkenalkan tanaman kami kepada orang awam, sempena musim cuti sekolah.

"Jika sebelum ini orang hanya tahu buah jagung sahaja, kini orang boleh melihat sendiri bentuk dan keadaan pokok jagung dan memetik buah jagung sendiri," katanya sambil menambah program itu akan diteruskan lagi pada masa akan datang.



CYNTHIA

Makanan pelbagai warna bantu keseimbangan usus

SELAIN berfungsi sebagai pewarna semula jadi dalam masakan, tumbuh-tumbuhan pelbagai warna juga mempunyai khasiat tertentu yang baik untuk tubuh.

Tumbuhan berwarna hijau yang merupakan daripada keluarga sayuran Brassicaceae misalnya diketahui mempunyai isothiocyanates iaitu bahan yang boleh membantu kesihatan dengan cara merangsang pengeluaran enzim yang mengeluarkan toksin daripada tubuh.

Tumbuhan berwarna ungu pula padat dengan antosianin dan proantosianin, iaitu antioksidan yang berkait dengan kesihatan organ dan fungsi otak.

Contohnya, terung, beri hitam, beri biru, kranberi, raspberi, strawberi dan anggur.

Pakar Nutrisi Bertauliah LAC Malaysia, Cynthia Jetan berkata, pengambilan pelbagai jenis makanan warna berbeza adalah penting bagi menjaga keseimbangan komposisi bakteria dalam usus.

"Buah berwarna ungu seperti beri terkenal sebagai buah dengan kandungan antioksidan tinggi dan makanan sebegini bukan saja baik untuk usus tetapi ia juga membantu memperbaiki mood, dan menjadikan anda lebih gembira.

"Bukan itu sahaja, ia juga mengandungi sifat melawan penyakit dan dapat membantu kesihatan usus.

"Beri kaya dengan prebiotik yang mampu menjaga dinding usus, membantu meningkatkan penyerapan nutrien dan juga melindungi tubuh daripada toksin tertentu," katanya.



SELAIN daripada jagung ungu, jagung biasa yang berwarna kuning turut diusahkannya.

Cuaca panas tidak jejas hasil ternakan

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Baka haiwan ditenak di negara ini mampu menyesuaikan diri dan tidak akan terjejas dengan cuaca panas yang sedang melanda kebanyakan negeri ketika ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berkata, usaha itu selari dengan cuaca sebuah negara beriklim khatulistiwa dan mengalami panas serta hujan sepanjang tahun.

Jelasnya, industri terbabit juga mengambil langkah-langkah memastikan ternakan mempunyai air minuman mencukupi dan menyimpan ternakan di kawasan teduh atau kandang bagi mengelakkan stres haba.

“Sehingga kini, tiada penurunan pengeluaran akibat perubahan suhu iklim dunia atau perubahan suhu ketara di Malaysia.

“Para penternak di seluruh negara dari semasa ke semasa diingatkan DVS untuk sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan lebih prihatin terhadap haiwan ternakan masing-masing” katanya dalam kenyataan kepada *Utusan Malaysia*.

Media sebelum ini melaporkan, Malaysia dijangka berdepan dengan cuaca panas hingga Julai ini susulan peralihan Monsun Timur Laut dan fenomena El Nino melanda dunia.

Situasi itu menyaksikan beberapa kawasan terutama Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah berdepan dengan cuaca panas tersebut.

Selain Malaysia, beberapa negara di Asia Tenggara dan Asia Selatan seperti Filipina, Thailand, Kemboja, Myanmar, Vietnam, India dan Bangladesh turut menghadapi cuaca panas ekstrem dengan suhu mencecah 40 hingga 45 darjah Celsius.

Mengulas lanjut, DVS berkata, penternak di negara ini bagaimanapun disaran sentiasa memantau keadaan haiwan ternakan pada musim panas.

Menurutnya, langkah itu dengan memastikan ternakan ditempatkan di persekitaran yang sesuai dan mempunyai teduhan.

Seterusnya, sentiasa memantau keadaan semasa ternakan untuk tanda-tanda penyakit dan stres haba serta mengambil tindakan segera sekiranya ternakan memerlukan rawatan.

“Selain itu, menyediakan stok makanan dan minuman yang mencukupi. Ini kerana sewaktu musim kemarau kemungkinan rumput-rumput yang menjadi sumber makanan kepada ternakan di padang tidak tumbuh atau mati serta takungan air kering.

“Penternak-penternak sepatutnya sedar akan perkara ini memandangkan fenomena cuaca panas ini berlaku hampir setiap tahun.

“Adalah menjadi kewajipan kepada penternak-penternak mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan kebajikan ternakan terjaga walaupun sewaktu musim cuaca yang melampau seperti musim kemarau,” katanya.

Saran harga lantai padi dari RM1,300 ke RM1,600 satu tan

Oleh HAFIZ SAIDINA
hafiz.umor@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Tindakan pengilang membungkus beras putih tempatan dengan cop beras putih import menyebabkan isu ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran sehingga kini belum selesai.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Nur Fitri Amir berkata, kebanyakan kilang berebut membeli padi dengan jumlah yang banyak.

"Sekarang harga minimum terjamin padi adalah RM1,300 per tan tetapi terdapat kilang di sebahagian tempat seperti Perak dan Kedah sudah menawarkan harga RM1,600 per tan.

"Mereka berebut membeli padi daripada pesawah pada harga tinggi. Oleh itu, mereka menjual beras dengan harga RM40 ke atas dengan menukar kampak yang dicop beras putih import.

"Jadi, ini menjadi isu kenapa beras yang ada di pasaran sekarang adalah kebanyakannya beras putih import," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kerajaan menaikkan harga lantai padi kepada RM1,600 per tan ekoran terdapat beberapa kilang menawarkan harga pembelian tidak seperti ditetapkan iaitu RM1,300 per tan.

Menurutnya, harga lantai padi perlu dinaikkan kepada RM1,600 per tan agar ia berpatutan dengan kos ditanggung oleh pesawah dalam ekonomi mendesak ketika ini.

Nur Fitri berkata, kerajaan perlu meningkatkan harga beras RM30 kepada RM35 bagi kampak 10 kilogram dan juga harga lantai padi agar ia tidak membebankan pesawah.

"Ini tidak adil kepada pesawah kerana kebanyakan kos sudah meningkat seperti upah membaja dan menyewa jentera semasa kilang menawarkan harga RM1,600 per tan," katanya.

Senada dengan Nur Fitri,

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cape), Mohd. Yusrizal Yusoff berkata, kerajaan juga disaran lebih agresif dalam menyelesaikan isu beras putih tempatan masih belum selesai sehingga kini.

"Kerajaan perlu lebih agresif dalam menyelesaikan isu beras putih tempatan dan tidak hanya sekadar cakap mengenai tambahan 140,000 tan beras yang sehingga kini masih tiada di dalam pasaran.

"Kita tidak pasti mekanisme apa yang digunakan oleh kerajaan untuk menyelesaikan isu ini kerana dilihat beras putih tempatan ini hanya terdapat di jualan-jualan Rahmah tetapi bukan di pasaran," katanya.

Terdahulu dilaporkan, kerajaan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani yang akan dijual dengan harga RM30 bagi kampak 10 kilogram (kg) bermula 19 Februari lalu.

Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) NACCOL, Datuk Seri Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, dengan nama baharu itu kategori beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSI) dimansuhkan.

Kata Syed Abu Hussin, kerajaan turut menetapkan harga siling bagi beras putih pada kadar RM30 bagi kampak 10 kg manakala RM15.50 (5kg) dan RM3.50 (1kg), berkuat kuasa Isnin ini.

"Pengguna boleh mendapatkan bekalan beras putih berharga RM30/kampak di pasaran mulai 1 Mac. Tempoh 19 Feb hingga 1 Mac berikutan mengambil masa untuk dijual di pasaran," katanya.

Namun, sehingga kini BPT masih tidak kelihatan dalam pasaran walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengarahkan stok bekalan barang keperluan itu di edarkan ke seluruh negara.

Pada masa sama, kerajaan juga disaran lebih agresif dalam menyelesaikan isu beras Putih Tempatan (BPT) yang masih belum selesai sehingga kini tiada di pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2024	SINAR HARIAN	PAHANG	27

Baung ekor merah dikesan di Sungai Jelai selepas banjir besar 2014

LIPIS - Kehadiran baung ekor merah (*Hemibagrus Wyckiooides*) menyebabkan spesies ikan sungai tempatan sukar diperoleh di sekitar sungai di sini.

Juara Pertandingan Moh Tangkap Baung Merah Daerah Lipis, Abdul Jalil Mohmad, 55, dari Kampung Kuala Serau dekat Kuala Medang di sini memberitahu, ikan pemangsa itu menjejaskan kehadiran spesies tempatan kerana

sifatnya yang agresif dan memakan pelbagai hidupan dalam air termasuk anak ikan dan udang.

Penoreh getah itu berjaya menaikkan baung ikan merah seberat 20.6 kilogram (kg) di Sungai Jelai berhampiran kampung tersebut pada Jumaat, sekali gus meraih hadiah wang tunai RM2,000.

Menurutnya, kaedah tajur umpan anak keli digunakan dalam pertandingan tersebut

untuk menarik perhatian spesies berkenaan.

"Ikan ini mula dikesan di Sungai Jelai selepas banjir besar pada 2014. Dulu tak pernah nampak ikan ini tapi sekarang boleh dikatakan selalu dapat baung ekor merah.

"Setakat ini, ia adalah ikan paling berat pernah saya dapat tapi ada penduduk pernah dapat baung merah cecah 28kg," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujarnya, pertandingan memancing sebegini amat dialu-alukan demi kebaikan spesies ikan sungai tempatan.

"Memang program ini perlu kerap dilakukan tidak semestinya hadiah lumayan kerana kaki pancing seperti kami memang menyokong usaha ini.

"Baung kuning dan lampam antara ikan yang sukar didapati sekarang sejak kehadiran ikan baung ekor merah," tambah beliau.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, seramai 50 peserta mengambil bahagian dalam pertandingan yang dijalankan dalam tempoh 24 jam itu.



Hasil tangkapan peserta pertandingan dipamerkan kepada pengunjung Karnival Tanah Pahang di pekarangan Dewan Jubli Perak, Sultan Haji Ahmad Shah, Lipis pada Sabtu.

Nelayan degil guna bubu naga tangkap ikan

KUALA KANG – Beberapa nelayan air laut di Sungai Klang di sini bercaya dengan tidak kan beberapa individu yang masih berdegil menggunakan bubu naga untuk menangkap ikan. Meskipun mengetahui penggunaan kaidah itu adalah salah di sisi undang-undang, namun pihak terbabit tidak mengendikannya, sekali gus dikhuatiri mereka akan dikenakan tindakan di bawah undang-undang air di sungai berkenaan.

Persatuan Pemancing Sungai Dan Rekreasi Daerah Klang, Azman Abdul Halil berkata, pihak berkuasa perikanan telah beberapa kali mengambil inisiatif bagi menegakan pelbagai masalah yang mengancam sumber pendapatan nelayan darat ketika ini.

Salah satu penggunaan bubu naga di Sungai Klang bukan lagi rbsla kerana ia secara terang-terangan dilakukan segelintir pihak, bukannya penduduk setempat, malah juga orang-orang luar.

"Masalah yang berlaku sejak beberapa bulan ini telah menyebabkan nelayan-nelayan darat di Sungai Klang menghadapi kemerosotan hasil tangkapan.

"Individu terbabit seolah-olah tidak memikirkan kesan buruk dan ancaman terhadap alam sekitar serta ekosistem sungai.

"Ini kerana penggunaan bubu naga akan menyebabkan spesies ikan dan udang kecil terperangkap di dalamnya, seolah-olah memusnahkan ikan hidup di sungai tersebut," katanya kepada *Komtar* semalam.

Menurut Azman, komuniti nelayan sungai memaklumkan penggunaan bubu naga adalah antara penyumbang kepada kemerosotan hasil tangkapan di Sungai Klang, selain merosotkan kehidupan nelayan pada ketika ini.

Ujarnya, mengikut undang-undang dan aka pengurusan sungai, penggunaan nelayan darat, bubu naga adalah termasuk dalam senarai yang tidak dibenarkan oleh Jabatan Perikanan.

Sekiranya itu, nelayan terbabit sepatutnya berurusan untuk tampil menuntut dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah ini daripada terus berlarutan, ujarnya.

Punca hasil tangkapan nelayan darat merosot

Ambil tindakan tegas penggunaan bubu naga

Oleh ADNAN IBRAHIM
utusannews@medianulla.com.my

KLUANG: Walaupun penggunaan bubu naga diharamkan, masih ada pihak yang menggunakannya untuk menangkap ikan dan udang, sama ada di laut mahupun sungai sekali gus mengundang kepada kerosakan ekosistem hidupan marin.

Justeru, wakil Persatuan Pemancing Sungai dan Rekreasi Daerah Kluang, Azman Abdul Halil meminta pihak berkuasa memandang serius dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang menggunakan bubu naga.

Katanya, penggunaan bubu naga di Sungai Kahang bukan rahsia, malah dilakukan secara terang-terangan oleh segelintir pihak yang dipercayai orang luar.

"Masalah yang berlaku sejak beberapa bulan ini menyebabkan golongan nelayan darat di Sungai Kahang menghadapi ke-

merosotan hasil tangkapan. "Individu-individu terbahit seolah-olah tidak memikirkan kesan buruk dan ancaman terhadap alam sekitar serta ekosistem dasar sungai kerana penggunaan bubu naga ini.

"Tindakan tidak bertanggungjawab ini boleh menyebab-



SEORANG nelayan dilihat menarik bubu naga yang dipasang di Sungai Kahang, Kluang di Johor semalam.

kan spesies ikan dan udang yang kecil urut terperangkap dalam bubu naga, sekali gus menyebarkan benih-benih hidupan sungai itu mengalami kepupusan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kata Azman, golongan nelayan di situ berharap pihak berkaitan tampil memantau dan

mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Jika keadaan ini dibiarkan tanpa ada sebarang tindakan, perkara utama yang akan berlaku adalah sumber pendapatan golongan nelayan sungai terjejas serta menghadapi kesukaran menjalankan aktiviti harian mereka," katanya.

Jualan Agro MADANI terus jadi pilihan di Perlis

Arau: Jualan Agro MADANI yang menawarkan harga keperluan dapur lebih rendah, terus menjadi pilihan rakyat di Perlis membeli barang basah segar untuk memenuhi keperluan keluarga.

Pengunjung dari Kampung Tambun Tulang dekat sini, Athirah Mohamad, 30, berkata beliau datang seawal jam 8 pagi bagi mendapatkan ayam dan sayur-sayuran segar.

"Saya dengar ada Jualan Agro MADANI di sini terus saya datang dengan anak sebab barang selalunya murah dan tempat jualan pula dekat dengan rumah, tak perlu nak bergerak jauh beli barangan keperluan," katanya semalam.

Athirah yang juga suri rumah itu berkata, jualan itu wajar di-

perluas lagi dengan menumpukan kawasan masjid untuk memudahkan pergerakan penduduk kampung membeli keperluan, sekali gus meringankan beban golongan memerlukan.

Seorang penjawat awam Azril Mustafa, 45, berkata Jualan Agro MADANI dilihat berkesan membantu meringankan beban rakyat dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup pada masa ini.

"Jualan Agro MADANI ini perlu diteruskan pada masa akan datang kerana memudahkan orang ramai, terutama orang kampung yang jauh dari kedai dan pasar



Mohd Anzara Azizan

untuk membeli barangan keperluan.

"Syabas diucapkan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kerana menganjurkan program seperti ini di kawasan tumpuan seperti di masjid. Orang kampung dapat beli barang dengan harga yang murah dan dekat dengan rumah," katanya.

Sementara itu, Pengarah FAMA Perlis, Mohd Anzara Azizan, berkata penganjuran Jualan Agro MADANI di negeri berkenaan setakat 28 Mei lalu meredakan nilai jualan RM1,239,486 dengan penganjuran sebanyak

142 kali.

"Alhamdulillah, kita punya perancangan untuk Jualan Agro MADANI bagi 2024 ini sebanyak 233 kali, dan berakhir Mei lalu kita berjaya mencapai kurang lebih 60 peratus, iaitu sebanyak 142 kali," katanya.

Mohd Anzara berkata, penganjuran itu memanfaatkan 1,015 usahawan dengan bilangan pengguna 25,300 orang, mencatatkan penjimatan sebanyak RM342,249.68 sehingga 28 Mei itu.

"Untuk Jun pula, kita akan mengadakan lagi Jualan Agro MADANI di tujuh tempat di Perlis bagi memudahkan orang ramai mendapatkan barang keperluan dengan harga berpatutan," katanya. **BERNAMA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	37

Agrobank pemangkin komuniti tanpa tunai

PETALING JAYA: Agrobank bersama PayNet dan Bank Negara Malaysia (BNM) melancarkan Program Komuniti Cashless di Pentas Budaya, Kandasang baru-baru ini, dalam langkah menuju ke arah transformasi digital.

Majlis pelancaran yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Dr. Joachim Gunsalam itu menjadikan Kandasang sebagai komuniti tanpa tunai, selaras dengan visi kerajaan negeri Sabah untuk meningkatkan penggunaan dan akses kepada pembayaran digital.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Agrobank sangat teruja untuk menjadi sebahagian daripada pihak yang memberi sumbangan dalam transformasi kepada komuniti tanpa tunai di Sabah.

Katanya, Program Komuniti Cashless ini membuktikan komitmen bank dalam meningkatkan akses kepada pembayaran digital.



JOACHIM GUNSALAM (KIRI) BERSAMA TENGKU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN (TIGA KANAN) PADA MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KOMUNITI CASHLESS DI PENTAS BUDAYA, KUNDASANG BARU-BARU INI.

Tambahnya, Program Komuniti Cashless yang dilancarkan Agrobank merupakan sebahagian daripada inisiatif Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Pelan Sektor Kewangan 2022-2026.

Jelasnya, ia bertujuan untuk mendorong pertumbuhan teknologi digital serta menjadi pemacu ke arah transformasi ekonomi dan kewangan di seluruh negara.

Tambahnya, Program Penaja Cashless di Pasar Malam Api-Api, Kota Kinabalu yang diadakan pada Oktober 2023 adalah perintis kepada inisiatif ini.

"Selain itu, program ini juga telah dilancarkan di Pasar Tamu Sook, Keningau pada Februari 2024.

"Oleh itu, Program Komuniti Cashless yang dilancarkan pada ini adalah usaha berterusan Agrobank dalam mewujudkan ekonomi yang lancar, mudah dan telus melalui pembayaran digital," ujarnya.

memastikan setiap lapisan masyarakat dapat memanfaatkan kemudahan dan keselamatan transaksi digital," katanya dalam kenyataan.

judkan ekonomi yang lebih mudah, telus dan inklusif.

"Kami berharap inisiatif ini akan diluaskan ke kawasan-kawasan di luar Sabah untuk

Agrobank pemangkin komuniti tanpa tunai di Kundasang

PETALING JAYA – Agrobank melancarkan Program Komuniti Cashless (tanpa tunai) di Pentas Budaya, Kundasang dengan kerjasama PayNet dan Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini.

Pelancaran program yang disempurnakan Timbalan Ketua Menteri Sabah II, Datuk Seri Dr. Joachim Gunsalam bakal menjadikan Kundasang sebagai lokasi komuniti tanpa tunai, selaras dengan visi kerajaan negeri Sabah untuk meningkatkan penggunaan dan akses kepada pembayaran digital di seluruh negeri.

Program berkenaan dilancarkan susulan Program Penjaja Cashless di Pasar Malam Api-Api, Kota Kinabalu pada Oktober 2023 sebelum pelancaran program sama di Pasar Tamu Sook, Keningau pada Februari 2024.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Da-

tuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya teruja untuk menjadi sebahagian daripada organisasi yang memberi sumbangan dalam transformasi kepada komuniti tanpa tunai di Sabah.

“Program Komuniti Cashless ini membuktikan komitmen kami dalam meningkatkan akses kepada pembayaran digital.

“Didikan tentang penggunaan transaksi dalam talian dan pembayaran melalui kod QR kepada penduduk setempat dan penjaja adalah bertujuan untuk mewujudkan ekonomi yang lebih mudah, telus serta inklusif.

“Kami berharap inisiatif ini akan diluaskan ke kawasan-kawasan di luar Sabah untuk memastikan setiap lapisan masyarakat dapat memanfaatkan kemudahan dan keselamatan transaksi digital,” katanya dalam kenyataan.



DR. JOACHIM (kiri) dan Tengku Ahmad Badli Shah (dua dari kiri) pada majlis pelancaran Program Komuniti Cashless di Kundasang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2024	SINAR HARIAN		22



Tanam padi dalam polibeg

Tertarik selepas melihat teknik itu di YouTube

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
TEMERLOH

Seorang penduduk di Lanchang di sini mengambil inisiatif menanam padi dalam polibeg yang juga julung kalinya diusahakan di negeri ini.

Memulakan usaha tersebut berhampiran rumahnya di Kampung Bolok Hulu Sokmek, Jelison Long, 58, mula mengusahakan tanaman makanan ruji rakyat tempatan itu sejak Februari lalu.

Jelison menyifatkan projek itu sebagai persediaan awal untuk mendapatkan bekalan beras selepas bimbang sekiranya negara dilanda kemarau berpanjangan.

Dia yang juga Biro Ekonomi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) mengusahakan 600 polibeg padi dengan modal permulaan RM2,000.

"Saya dipertanggungjawabkan untuk mencari inisiatif sesuai untuk penduduk kampung berikutan harga barangan semakin mahal, jadi saya memilih menanam padi menggunakan polibeg.

"Idea ini timbul selepas melihat di laman sesawang YouTube, ada penduduk di Indonesia tanam padi di tepi rumah mereka sahaja," katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, sebelum memulakan projek itu, dia mengambil masa kira-kira setahun mempelajari teknik tanaman padi di Selangor selain mendapatkan benih dari Kedah.

"Penggunaan polibeg lebih menjimatkan kos, masa dan kurang ancaman haiwan perosak seperti se-

Padi yang sudah masak selepas ditanam dalam polibeg.



“ Penggunaan polibeg lebih menjimatkan kos, masa dan kurang ancaman haiwan perosak seperti serangga dan siput berbanding sawah.”

- Jelison

rangga dan siput berbanding sawah.

"Untuk ancaman burung, saya membina rumah jaring bagi mengurangkan serangan haiwan terbabat," katanya.

Menurut Jelison, projek tanaman padi miliknya sudah boleh dituai dan berjaya menghasilkan kira-kira empat kilogram beras untuk kegunaan sendiri.

"Projek tanaman padi ini mendapat sokongan JPKK kampung dan akan memulakan projek perintis pada Julai depan di perkarangan rumah penduduk.

"Ini bakal menjadi projek sara hidup dan boleh membantu peserta mempunyai bekalan beras sendiri kekal," katanya.



Jelison memulakan projek tanaman padi menggunakan 600 polibeg.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2024	KOSMO	NEGARA	14



ABDUL FATTAH (dua dari kanan) dan Balasundramanian (kiri) melihat kolam ternakan ikan di Kobuniti Agro Park, Shah Alam semalam.

Projek koperasi tingkat keterjaminan makanan

Bantu kebun komuniti

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Kerajaan disaran menyalurkan bantuan kepada koperasi yang mahu membina kebun komuniti dalam bandar bagi memastikan keterjaminan makanan di negara ini.

Pelaksanaan konsep kebun di atas tanah kosong itu dianggap efektif kerana menawarkan jualan harga ladang kepada masyarakat sekali gus mengurangkan pengimportan dari luar negara.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, institusi koperasi bagaimanapun berdepan kesukaran mengenai kemudahan infrastruktur bagi membina kebun

tersebut.

Katanya, kemudahan itu melibatkan pembinaan besi kerangka dan penggunaan teknologi baharu seperti dron, kawalan suhu serta baja nano.

"Kesemua kemudahan meliputi sistem teknologi *Internet of Things* itu memerlukan kos yang mahal dan agak tinggi.

"Justeru, kerajaan diminta mempertimbangkan bantuan kepada koperasi yang sukar membina kebun itu pada peringkat awal pengoperasiannya," katanya.

Terdahulu, beliau dan Pengarah Serantau Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia dan Pasifik, Balasundramanian Iyer meninjau Koperasi Kebuniti Selangor Berhad (Kobuniti) Agro Park di

sini semalam.

Kebun komuniti yang dibina sejak 2020 di atas tanah seluas tujuh hektar itu melibatkan tanaman sayuran, buah-buahan dan ternakan ikan.

Tambah Abdul Fattah, Kobuniti menjadi satu-satunya koperasi yang menggunakan model 'pilih, petik dan bayar' kepada penduduk kawasan bandar.

"Inisiatif itu bukan saja membantu pengguna mendapatkan bahan yang segar malah membelinya dengan harga lebih murah berbanding pasaran sedia ada.

"Selain mengurangkan beban kos sara hidup, kebergantungan import luar negara sehingga bilion ringgit dapat dikurangkan pada masa depan," ujarnya.

Sistem lindung varieti tumbuhan didakwa tak adil

Kuala Lumpur: Malaysia perlu berhati-hati dalam membuat keputusan mengguna pakai sistem Konvensyen Kesatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan (UPOV) ke dalam Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta PNPV).

Ini kerana langkah itu akan menafikan hak petani dan Orang Asli untuk menyimpan, berkongsi dan menjual benih yang disimpan dari ladang.

Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) dalam kenyataan berkata, sistem UPOV tidak sesuai digunakan dalam sistem pertanian di negara membangun.

Katanya, sistem itu juga tidak sesuai bagi mewujudkan hak petani dan hak asasi manusia yang lain seperti hak untuk mendapatkan makanan.

"Ia akan menggalakkan monopoli, memudahkan monokultur dan membawa kepada kehilangan lebih banyak pengetahuan dan kebijaksanaan pertanian tempatan.

"Sistem UPOV akan memberi kesan buruk kepada amalan sosio budaya dan status sosioekonomi petani serta kepelbagaian dan keselamatan pengeluaran makanan negara.

"Kerajaan tidak boleh mengabaikan kepentingan biodiversiti pertanian, keterjaminan makanan, hak petani dan akses kepada makanan yang baik, berkhasiat dan mampu milik bagi semua rakyat negara ini," katanya dalam kenyataan.

FKMM berkata, pihaknya menggesa kerajaan mencontohi Indonesia yang tidak menyertai UPOV kerana sistem perlindungan varieti tumbuhan itu berat sebelah dengan memihak kepada pembiasa baka tumbuhan komersial.

Katanya, UPOV secara mutlak melindungi hak pembiasa baka komersial dan mengehadkan hak tradisional dan aktiviti petani kecil.

"Dasar bagi perlindungan di bawah UPOV mengecualikan atau mengabaikan amalan penting antaranya pertukaran benih

tempatan dan perkongsian di kalangan komuniti. Panduan mengenai 'pertanian sara diri' mengabaikan amalan adat petani sara diri.

"UPOV mengenakan hak harta intelek ke atas varieti tumbuhan, membolehkan syarikat korporat memonopoli dan menuntut pemilikan ke atasnya. Tindakan itu boleh merugikan petani," katanya.

FKMM berkata 33.5 peratus perasan di Kedah dan Perak menyimpan benih dari ladang mereka dengan 83.6 peratus melakukannya kerana percaya bahawa kualiti benih terjamin dan berpuas hati dengan benih yang diproses sendiri.

Pada masa sama, katanya, 16.4 peratus lagi menyimpan benih untuk menjimatkan kos.

"Daripada amalan menyimpan benih ini, mereka mampu untuk menyimpan 10 hingga 20 peratus daripada hasil tuai dan mempunyai pilihan untuk menggunakan semula, berkongsi dan menjual benih yang disimpan di ladang mereka," katanya.



Sistem UPOV jejas amalan sosio budaya dan status sosioekonomi petani dan keselamatan pengeluaran makanan negara. (Foto hiasan)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Beras Putih Malaysia Madani sukar didapati di pasaran?

Oleh **YASMIN NATASHA HAIRUL**
yasmin.hairul@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Isu bekalan beras putih tempatan masih belum reda biarpun kerajaan memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani bagi menangani masalah tersebut.

Beberapa tinjauan yang dilakukan *Utusan Malaysia* sebelum ini menyaksikan masyarakat terus mengeluh apabila sukar mendapatkan bekalan beras putih tempatan dan mereka terpaksa membeli beras import yang mahal.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Persatuan Pengguna Negeri Kedah (Cape), Mohammad Yusrizal Yusoff berkata, penjualan Beras Putih Malaysia Madani masih belum menyeluruh menyebabkan rakyat sukar untuk membelinya.

Katanya, beras yang berharga RM30 bagi kimpit 10 kilogram (kg) itu hanya boleh didapati menerusi program jualan Madani dan tidak dijual secara meluas di pasar raya utama.

"Isu beras putih tempatan masih belum selesai kerana

rakyat masih perlu membeli beras import yang harganya tidak menentu dan semakin mahal sehingga boleh mencecah RM48 bagi kimpit 10kg.

"Program jualan Madani pula tidak kerap diadakan, iaitu mungkin dua atau tiga kali setahun, jadi susah mahu beli. Lebih baik jika beras itu dijual secara meluas di pasar raya utama di seluruh negara," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, peluang untuk membeli beras putih Madani itu pun 'ikut nasib' kerana setiap kali program jualan

Madani diadakan, orang ramai perlu beratur panjang dan jika bekalan masih ada, mereka dapat membelinya.

Terdahulu, Kerajaan Perpaduan memperkenalkan kategori tunggal bagi beras putih untuk menggantikan kategori beras putih tempatan dan import di pasaran negara ini yang dikenali sebagai Beras Putih Malaysia Madani.

Kerajaan turut menetapkan harga siling bagi beras putih pada kadar RM30 bagi kimpit 10kg manakala RM15.50 (5kg) dan RM3.50 (1kg), berkuat kuasa

19 Februari dan dijangka berada di pasaran bermula 1 Mac lalu.

Selain itu, Yusrizal menaikan pengumuman mengenai bekalan 140,000 tan metrik beras tempatan sudah berada dalam pasaran seperti yang diumumkan oleh kerajaan sebelum ini sebenarnya 'masih belum di-rasai pengguna'.

"Jika benar bekalan beras tempatan sudah penuh, kenapa masih ada yang mengeluh sukar untuk dapatkan beras itu? Kerajaan perlu jelaskan hal sebenar kerana rakyat bergelut dengan kenaikan kos hidup," ujarnya.